

JAWATAN KOSONG UNIVERSITI SULTAN AZLAN SHAH

Staf USAS yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon jawatan kosong seperti berikut:

JAWATAN

- i. Jawatan : Felo Dewan Penginapan Mahasiswa

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- (a) Kakitangan Akademik ; atau
- (b) Kakitangan Bukan Akademik sekurang-kurangnya Penolong Pengurus (Gred 29 dan ke atas).
- (c) Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik, berdisiplin dan bertanggungjawab.
- (d) Mempunyai minat yang tinggi dalam membentuk sahsiah pelajar dan pembangunan pelajar.
- (e) Mempunyai sifat penyayang, penyabar dan proaktif.
- (f) Sedia berkhidmat dalam setiap masa.

TEMPOH LANTIKAN

- (a) Tempoh lantikan untuk setiap felo adalah selama 2 tahun.
- (b) Pelantikan ini tidak akan mengubah butir-butir dalam jawatan hakiki yang disandang.

IMBUHAN DAN KEMUDAHAN BILIK FELO

- (a) Sebuah bilik disediakan, lengkap dengan perabot asas di setiap dewan penginapan.
- (b) Elaun setiap felo adalah sebanyak RM350 sebulan.

BIDANG TUGAS FELO

- (a) Membantu menjaga kebajikan dan keselamatan pelajar terutama di persekitaran di Dewan Penginapan Mahasiswa.
- (b) Memantau disiplin dan salah laku pelajar yang menginap di Dewan Penginapan Mahasiswa
- (c) Membuat perancangan dan menyusun aktiviti – aktiviti di Dewan Penginapan Mahasiswa.

- (d) Membantu dalam menggalakkan dan menasihati pelajar untuk menjalankan program – program kegiatan kemahasiswaan dalam bidang kepimpinan, sosial, kerohanian, kemasyarakatan penghuni Dewan Penginapan Mahasiswa.
- (e) Bertindak sebagai penasihat bersama kepada Majlis Perwakilan Kediaman (MPK)
- (f) Menghidupkan peranan masjid / surau di Dewan Penginapan Mahasiswa.
- (g) Bersiap sedia untuk mengurus masalah kesihatan pelajar dan hal kecemasan.
- (h) Bertanggungjawab melapor kepada Pengurus Kanan dan Dekan BHEP.
- (i) Melaksanakan tugas – tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON

- (a) Pemohon hendaklah menghantar permohonan secara bertulis berserta *resume* yang lengkap berserta maklumat seperti berikut :-
 - i) Butiran peribadi.
 - ii) Butiran untuk dihubungi.
 - iii) Kelayakan akademik.
 - iv) Pengalaman yang berkaitan.
- (b) Permohonan yang telah lengkap mestilah disertakan dengan gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan) serta salinan dokumen-dokumen yang telah disahkan seperti berikut :-
 - i) Kad Pengenalan atau Pasport.
 - ii) Sijil Kelahiran.
 - iii) Sijil-sijil akademik yang berkenaan berserta **transkrip**.
(SPM atau setaraf, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ph.D)
 - iv) Sijil-sijil atau dokumen lain yang berkaitan.
- (c) Permohonan yang lengkap beserta surat permohonan hendaklah dihantar ke alamat :-
 - **Universiti Sultan Azlan Shah**
Bukit Chandan
33000 Bandar Diraja Kuala Kangsar
Perak Darul Ridzuan.
(u.p : Jabatan Sumber Manusia dan Pentadbiran Am)Untuk pertanyaan sila hubungi talian 05-7732250/302/340
- (d) Tarikh tutup : **Permohonan terbuka sehingga 31 Disember 2024 (Selasa) sebelum jam 4.00 petang.**

CATATAN TAMBAHAN

- a) Hanya calon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga.
- b) Permohonan yang tidak menerima jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh iklan jawatan ditutup hendaklah dianggap tidak berjaya.
- c) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan / temuduga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh Universiti Sultan Azlan Shah.